

UCHAPAN Y.B. MENTERI KEBAJIKAN 'AM,
TAN SRI FATIMAH BTE HAJI HASHIM DI-
UPACHARA PEMBUKAAN RESMI RUMAH BUDAK
LAKI2 SARAWAK PADA 29HB.JUN, 1972,
JAM 10.30 PAGI

Terlebih dahulu saya dengan segala sukachita-nya mengucapkan setinggi2 terima kaseh pada Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak, Y.B. Timbalan Ketua Menteri, Y.B. Menteri Kebajikan Sarawak serta tuan2 dan puan2 sekalian kerana telah sudi melapangkan masa untok bersama2 hadhir di-majlis pembukaan resmi Rumah Budak Laki2 Sarawak ini. Rumah Budak Laki2 Sarawak ini yang di-bena oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak telah siap dan di-ambil alih oleh Kementerian saya pada 19hb. Julai, 1971. Sekolah ini boleh menempatkan saramai 80 orang murid ia-itu bukan sahaja mereka dari Sarawak bahkan dari Negeri Sabah kerana ini-lah Sekolah Akhlak yang tunggal di-Malaysia Timor.

Setakat ini pembenaan sekolah telah memakan belanja sebanyak \$601,000.00. Tindakan sedang di-ambil bagi membelanjakan sa-banyak \$75,000.00 lagi bagi membena sa-buah tangki ayer, pagar dan padang permainan. Jumlah harga sekolah ini apabila siap kesemua-nya ia-lah \$676,000.00.

Perkhidmatan Pemulehan Akhlak bagi budak2 yang telah melanggar undang2 negeri ini ada-lah satu daripada beberapa bahagian perkhidmatan masyarakat yang menjadi tanggung jawab Kementerian saya. Perkhidmatan Pemulehan Akhlak ini pula ada-lah di-bahagikan kepada empat aktiviti kecil ia-itu:-

- (a) Sekolah2 Akhlak
- (b) Rumah2 Tahanan Sementara atau Asrama2 Akhlak

- (c) Pusat2 Perlindungan Wanita dan Gadis, dan
- (d) Pusat Pemulihan Pengemis dan Kuturayau.

Rumah Budak Laki2 Sarawak ini termasuk di-bawah gulongan aktiviti kecil yang pertama ia-itu Sekolah Akhlak.

Sekolah2 Akhlak ada-lah di-sediakan bagi menahan, melateh, memberi pelajaran dan pemulihan kepada pesalah budak2 dan mereka yang di-perintah oleh Mahkamah Budak2 kerana perlukan jagaan dan perlindungan atau tidak terkawal. Bagi membentok akhlak budak2 ini langkah2 pemulihan memperbaiki kelakuan di-jalankan supaya mereka boleh mengambil balek tempat yang tertentu dalam masharakat. Empat ranchangan besar bagi menjayakan matlamat ini ia-lah pelajaran, latehan vokeshenal, permainan, ugama dan moral.

Tiap2 murid Sekolah Akhlak di-beri pelajaran Bahasa Malaysia dan mereka yang berkelulusan lebeh tinggi tetapi tidak dapat menerima pelajaran oleh kerana kekurangan kemudahan2 di-Sekolah itu, di-benarkan menghadhiri sekolah biasa yang di-anjor oleh Kementerian Pelajaran. Latehan2 vokeshenal termasuk pertukangan kayu, motor mekanik, menjahit dan pertanian di-jalankan di-Sekolah Laki2 dan bagi Sekolah Perempuan pula keutamaan di-beri kepada latehan urusan rumah tangga seperti masak memasak, jahit menjahit, sulam menyulam, dobi dan mengerinting rambut. Tujuan latehan vokeshenal bukan-lah semata2 memberi pelajaran kepada murid2 supaya dapat kerja apabila keluar dari sekolah kelak bahkan ada-lah untuk menolong mereka berusaha dan bertekun bagi menchapai kejayaan di-

dalam pekerjaan2 yang memerlukan kerajinan tenaga.

Permainan2 yang berfaedah dan sesuai sangat-lah mustahak di-sediakan di-Sekolah Akhlak sabagai satu peluang kapada murid2 itu melepaskan tenaga-nya yang berlebeh2an serta peluang bagi belajar dan berlateh menghormati per-atoran2 yang di-dapati di-dalam tiap2 jenis permainan itu. Permainan2 yang di-adakan termasuk bola tangkis, sepak raga, bola jaring, bola sepak, olah raga dan permainan di-dalam rumah. Latehan pemulehan yang di-jalankan berdasar-kan kapada prinsip bahawa murid2 hendak-lah di-beri peluang untok menyesuaikan diri di-dalam masharakat apabila keluar dari Sekolah Akhlak. Oleh kerana itu murid2 di-galakkan berchampur dan mengadakan perhubungan dengan orang ramai 'am-nya dan dengan budak2 sekolah luar khas-nya. Pergaulan dengan orang2 luar ini biasa-nya di-laksanakan sewaktu

mereka mengambil bahagian di-dalam ranchangan2 permainan yang di-anjor oleh persatuan2 sukarela dan lain2 yayasan pelajaran.

Pelajaran agama dan moral ada-lah mustahak dan di-utamakan dengan murid2 di-beri pelajaran agama di-sekolah dan kemudahan2 bersembahyang di-mesjid2, kuil2 dan gereja. Tiap2 sekolah mempunyai surau atau bilek khas untok murid2 Islam menunaikan pelajaran agama dan fardhu sembahyang.

Budak2 yang di-perintah dudok di-dalam Sekolah Akhlak ada-lah mereka yang perlukan latehan yang tidak mereka dapati di-rumah sendiri, yang berpendirian kurang tetap atau yang datang dari rumah tangga yang merosot dan purak puranda. Kebanyakan daripada mereka tidak pernah

menikmati kaseh sayang ibu bapa dan oleh itu tidak mempunyai ketenteraman fikiran. Saya berkata begitu kerana pada umum-nya bilangan budak2 yang masok ka-Sekolah2 Akhlak boleh dapat di-kurangkan jika sahaja ibu bapa faham dan mahu menyandang tanggung jawab mereka dengan tegas untok memberi didekan dan asohan yang baik kepada anak2 mereka di-rumah.

Sekolah Akhlak chuba membaiki keadaan ini dengan mengajar murid2 hidup dalam satu kelompok masharakat yang berbahagia dengan menggalakkan kebebasan berfikir supaya mereka dapat berdiri di-atas kaki sendiri. Sekolah2 Akhlak menjunjong tinggi peri mustahak-nya kebahagiaan, kaseh sayang dan ketenteraman bagi kanak2 yang tidak pernah mengalami suasana saperti ini. Chara2 ini ia-lah mengikut

satu dasar filosofi yang mengutamakan layanan pemulehan daripada kekerasan untuk membaiki akhlak atau moral kanak2 yang telah melakukan jenayah.

Di-sini saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya telah mengambil tindakan yang tegas bagi membaiki perkhidmatan bagi pesalah budak2 dengan mendirikan sa-buah Sekolah Akhlak, dua buah Asrama Akhlak dan dua buah Pusat Latehan Gadis dan Wanita di-bawah Rancangan Malaysia Yang Pertama. Sekolah Akhlak yang saya maksudkan itu ia-lah Rumah Budak Laki2 Sarawak ini. Dua buah Asrama Akhlak ia-itu Asrama Rusila, Trengganu dan Asrama Kota Kinabalu, Sabah telah di-buka dengan resmi-nya pada 9hb. dan 24hb. Mach tahun ini; sa-buah Pusat Latehan Gadis dan Wanita di-Kuala Lumpur telah siap dalam tahun 1967 dan sa-buah

lagi di-Trengganu telah di-buka dengan resmi-nya pada 8hb. April, 1971.

Di-sini saya gembira menyatakan bahawa ranchangan2 yang lebeh tegas untok mengembangkan Perkhidmatan Pemulehan Akhlak akan di-ambil di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua dengan pembenaan dua buah Sekolah Akhlak yang baharu, dua buah Pusat Latehan Gadis dan Wanita serta beberapa ranchangan untok membaiki yayaan2 yang ada sekarang. Sa-buah Sekolah Akhlak akan di-bena di-Jerantut, Pahang dan sa-buah lagi akan di-bena di-Taiping, Perak untok menggantikan sekolah yang ada sekarang. Kedua2 sekolah ini akan menyediakan tempat bagi 200 orang murid bagi tiap2 sekolah dan pembenaan ada-lah di-jangka siap dalam tahun 1974. Mengenai Pusat Pemulehan Gadis dan Wanita pula sa-buah akan di-dirikan di-Negeri Sembilan dan sa-buah lagi

di-Negeri Perak; kedua2-nya di-jangka siap dalam tahun 1974 juga. Ini ada-lah sabahagian daripada beberapa rancangan pembenaan yang sedang di-jalankan oleh Kementerian saya bagi membaiki lagi kemudahan2 yang ada pada masa ini.

Walau bagaimana pun masalah kejenayahan budak2 tidak-lah dapat di-atasi oleh Jabatan2 Kerajaan sahaja bahkan penyertaan orang ramai ada-lah sangat mustahak untuk menchapai kejayaan. Di-sini saya suka memberi pujian kepada Tuan Pengerusi dan Ahli2 Lembaga Penasihat Pesalah Budak2 Sarawak yang telah berkhidmat dengan penon minat untuk kebajikan murid2 yang dudok di-dalam sekolah ini. Ahli2 Lembaga telah menyumbangkan tenaga dari sa-tahun ka-satahun dengan bekerja di-belakang tirai tanpa

di-ketahui oleh orang ramai atas jasa yang telah mereka sumbangkan. Kapada Tuan Pengerusi Lembaga dan semua ahli2 saya ucapkan ribuan terima kaseh atas jasa mereka itu.

Selain dari ahli2 Lembaga saya juga ingin mengambil kesempatan untok menyatakan penghargaan saya yang tidak ternilai dan menguchapkan setinggi2 terima kaseh di-atas kemurahan hati, pertolongan dan kerjasama yang telah di-sumbangkan kapada Kementerian saya oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Sarawak, Y.B. Dato' Abang Ikwon Zaini bekas Menteri Kebajikan Sarawak dan Y.B. Menteri Kebajikan sekarang serta Setia Usaha Tetap dan pegawai2-nya, Jabatan Kerja Raya Sarawak, dan saterus-nya Jabatan2 dan suka-relawan2 yang berkenaan yang telah menyumbangkan kerjasama dan tenaga untok menjayakan projek ini.

Bagi penutup-nya saya suka memberi tahniah kepada Waden dan kakitangan Sekolah ini yang bukan sahaja telah bekerja keras bagi menjayakan majlis pembukaan ini bahkan di-atas kerja mereka sa-hari2 bagi menjaga, melateh dan mengasoh murid2 dalam sekolah. Kepada murid2 saya ingin menguchapkan harapan bahawa murid2 tidak akan melepaskan peluang keemasan yang di-adakan untok belajar dengan ber-sungguh2-nya agar masa hadapan murid2 akan menjadi bertambah chemerlang.

Dengan segala sukachita-nya saya meresmikan pembukaan Rumah Budak Laki2 Sarawak ini.